

Hubungan Di Antara Persepsi Risiko Terhadap Ekspedisi Pendakian Adventur Dan Kemahiran Pemikiran Kritis

Munauwar Mustafa*

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Kolej Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok.
Tel: 019 556 7498
E-mel: munawar@uum.edu.my

Mohd Azril Ismail

Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik,
Kolej Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok.

Azahari Ramli

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Kolej Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok.

ABSTRAK

Bidang adventur luar sebagai asas pembelajaran adalah tidak bercanggahan dengan teori-teori pembelajaran eksperiensial. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan di antara persepsi risiko dan kemahiran pemikiran kritis dengan berlatarbelakangkan kepada aktiviti pendakian adventur gunung-gunung di Semenanjung Malaysia. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 112 mahasiswa-mahasiswi institusi-institusi pengajian tinggi. 2 set borang soalselidik ditadbir ke atas setiap responden sebelum dan selepas ekspedisi yang disertai mereka. Data yang diperolehi membuktikan secara empirikal bahawa terdapat hubungan yang signifikan lagi kuat dan positif di antara persepsi risiko dengan kemahiran pemikiran kritis. Sehubungan dengan itu, bolehlah dibuat penaaakulan bahawa peningkatan kemahiran tersebut telah didapati selari dengan peningkatan persepsi risiko para responden. Dengan itu, mana-mana ekspedisi pendakian adventur yang ditingkatkan tahap persepsi risiko peserta-pesertanya akan juga dapat dilihat peningkatan kepada tahap kemahiran pemikiran kritis mereka.

Kata kunci: Persepsi risiko, Kemahiran pemikiran kritis, Latihan dan pembangunan, Pembelajaran eksperiensial, Latihan adventur.

1. Pengenalan

Bidang adventur luar sebagai asas pembelajaran adalah tidak bercanggahan dengan teori-teori pembelajaran eksperiensial (Kolb, 1984; Pedler, Burgoyne & Boydell, 1986; Mumford 1994, 1995; Restine, 1997; Pavlica, Holman & Thorpe, 1998). Bidang ini telah membangun dan berkembang sejak beberapa tahun yang lepas iaitu di pertengahan 1990an (Raiola & O'Keefe, 1999; Hattie, Marsh, Neill & Richards, 1997). Seperti yang dibincangkan di bahagian sebelum ini, kajian-kajian terdahulu mendapati banyak faedah yang diperolehi menerusi penglibatan di dalam adventur luar ini. Malah, Hattie et al. (1997) di dalam ulasan terhadap karya-karya terdahulu telah mengenalpasti 40 hasil yang berbeza daripada penglibatan di dalam adventur luar ini. Ewert (1983) di dalam karyanya yang terkenal, telah menulis bahawa adventur luar ini adalah seperti sebuah kotak hitam pembelajaran di mana kita tahu akan wujudnya pelbagai manfaat atau faedahnya tetapi kita tidak tahu kenapa ia penting kepada mereka yang terlibat dan bagaimana ia memberikan manfaat tersebut.

Berbeza dengan pendekatan latihan dan pembangunan yang lain, adventur luar melibatkan aktiviti-aktiviti fizikal di mana selalunya tahap persepsi risiko peserta-peserta dibawa ke tahap yang tinggi (Ewert, 1989). Persepsi risiko didefinisikan sebagai penilaian subjektif terhadap ancaman sebenar atau tanggapan ancaman terhadap kesejahteraan sosial, fizikal dan psikologi (Ward, 2008, Lupton & Tullock, 2002; Sokolowska & Pohorille, 2000; Priest, 1999; Renn, 1998). Kombinasi pergantungan sendiri, pendedahan kepada pelbagai persekitaran serta cabaran-cabaran fizikal dan mental digunakan untuk mencapai objektif-objektif aktiviti tersebut (Marsh, Richards & Barnes, 1986). Satu daripada objektif penglibatan di dalam adventur luar yang belum pernah disebut secara langsung di dalam kajian-kajian terdahulu ialah kemampuannya mengasah kemahiran pemikiran kritis mereka yang terlibat.


2. Tinjauan Literatur

Kemahiran pemikiran kritis ialah satu daripada komponen-komponen meta-kompeten (Scholtes, 1999; Meyer dan Semark, 1996; Cheetham & Chivers, 1998). Kemahiran pemikiran kritis ialah satu bentuk kemahiran di dalam membuat sesuatu keputusan yang terarah dan *self-regulatory* (Facione, 1990) yang dibahagikan kepada lima dimensi iaitu inferen, mengenal pasti andaian, deduksi, interpretasi dan penilaian hujah (Watson & Glaser, 1980). Meta-kompeten adalah tersangat penting dimiliki oleh para pengurus dan professional kerana ia adalah payung kepada lain-lain kompeten teras dan menjadi pra-syarat kepada pembangunan kompeten-kompeten tersebut. Malangnya, institusi-institusi pengajian tinggi didapati kurang memberikan penekanan tentang pembangunan kemahiran pemikiran kritis. Kajian-kajian Saucier (1995), Colucciello (1997), Girot (2008) dan Magnussen, Ishida, & Itano (2001) mendapati tidak berlakunya sebarang peningkatan kepada kemahiran pemikiran kritis di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat.

3. Kerangka Teoritik

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dua pembolehubah yang menunjangi dan membentuk kerangka teoritik kajian ini telah dikenalpasti dan dioperasikan. Pembolehubah-pembolehubah tersebut ialah kemahiran pemikiran kritis dan persepsi risiko.

Rajah 1 menjelaskan secara visual akan hubungan di antara kedua-dua pembolehubah kajian tersebut.



Rajah 1
KerangkaTeoritikal

Umumnya, kerangka teoritikal di atas menjelaskan konteks kajian bahawa pendakian adventur yang jauh lagi dipenuhi dengan pelbagai rupabentuk mukabumi yang mencabar dan merbahaya serta memakan masa selama beberapa hari ini dijangka akan memberikan kesan ke atas persepsi risiko pendaki-pendakinya serta dijangka akan mempunyai hubungan pemikiran kritis mereka setelah melalui ranjau-ranjau perjalanannya yang panjang itu.

4. Metodologi

4.1 Responden Kajian

Populasi kajian ini adalah pendaki-pendaki yang menyertai salah satu daripada ekspedisi-ekspedisi pendakian adventur di dalam tempoh masa pengumpulan data iaitu di antara bulan Disember 2010 hingga Julai 2011. Memandangkan kajian ini adalah berkenaan dengan latihan pengurusan, kerangka populasi kajian adalah merujuk kepada satu kumpulan pendaki iaitu ahli-ahli kelab rekreasi luar institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di dalam negara yang menyertai ekspedisi-ekspedisi pendakian.

Rekabentuk kajian ini yang memerlukan pengujian sebelum dan selepas aktiviti di samping jumlah penganjuran aktiviti yang tidak banyak serta jangkamasa kajian yang terhad dan kekangan kewangan, menjadikan jumlah populasi adalah terhad. Di dalam tempoh masa pengumpulan data dilaksanakan, penyelidik mendapati terdapat 17 penganjuran ekspedisi-ekspedisi dengan jumlah peserta seramai 315 orang. Jumlah penganjuran dan bilangan peserta ini diperolehi daripada Pejabat-Pejabat Perhutanan Daerah yang berkenaan yang dihubungi dari masa ke semasa di dalam tempoh pengumpulan data tersebut dengan merujuk kepada jumlah permit yang dikeluarkan dan senarai nama yang dikepikan bersama-sama borang permohonan permit tersebut.

4.2 Instrumen Kajian

Borang soalselidik kajian ini menggabungkan dua instrumen mapan yang telah dibangunkan dan digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dan dirasakan mampu untuk membantu

mencapai objektif kajian dengan mengambilkira keesahan dan reliabiliti konstruk serta kesesuaiannya dengan responden-responden kajian (Jadual 1).

Jadual 1
Pembolehubah dan Instrumen

Pembolehubah	Rujukan	Nama Instrumen	Item
Kemahiran pemikiran kritis	Watson & Glaser, 1980	<i>Watson Glaser Critical Thinking Assessment Form A</i>	80
Pesepsi risiko	Ward, 2008	-	20

Setelah melalui langkah-langkah untuk memastikan keesahan instrumen, instrumen kajian ini juga melalui proses pengujian kebolehpercayaan. Ujian kebolehpercayaan bertujuan mengukur tahap ketekalan instrumen yang digunakan. Keputusan ujian kebolehpercayaan menerusi pengukuran koefisien Alpha Cronbach adalah seperti berikut:

Jadual 2
Ujian Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Alpha Cronbach
Persepsi Risiko	0.832
Kemahiran Pemikiran Kritis	0.703

Cooper & Schindler (2006), Sekaran (2005), Hair, Anderson, Tathan & Black (1998) dan Nunally (1978) menyatakan bahawa mana-mana skor koefisien Alpha Cronbach di sekitar 0.60 adalah dianggap sebagai mempunyai piawai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Memandangkan kesemua skor ujian yang didapati adalah melebihi nilai tersebut, maka instrumen tersebut boleh diguna-pakai untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah kajian.

4.3 Analisis Data

Secara khususnya, ujian korelasi pekali Pearson digunakan untuk melihat hubungan di antara persepsi risiko dan kemahiran pemikiran kritis.

5. Dapatan Kajian

Hipotesis ini diuji dengan menggunakan ujian korelasi Pearson dengan pembolehubah persepsi risiko dikorelasikan dengan skor kemahiran pemikiran kritis. Dapatan ujian ini ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3
Korelasi Pearson antara persepsi risiko dan kemahiran pemikiran kritis

Korelasi	Persepsi Risiko
Kemahiran Pemikiran Kritis	0.513**

** signifikan pada $p < 0.01$

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa pembolehubah bebas kajian ini mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ke atas pembolehubah bersandar pada aras keertian $p < 0.01$. Tahap kekuatan hubungan antara persepsi risiko dengan kemahiran pemikiran kritis adalah besar.

6. Perbincangan

Seperti yang dibentangkan di atas, hipotesis tentang hubungan antara persepsi risiko dengan kemahiran pemikiran kritis adalah diterima, menandakan wujudnya hubungan yang signifikan dan positif antara persepsi risiko dengan kemahiran pemikiran kritis. Dengan merujuk kepada Garis Panduan Interpretasi Nilai Korelasi Pearson (Cohen, 1988), kajian ini mendapati tahap kekuatan hubungan antara persepsi risiko dengan kemahiran pemikiran kritis adalah besar iaitu pada nilai 0.5.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini adalah selari dengan sorotan literatur yang dibuat ke atas tulisan-tulisan Mumford (1994), Gerber (1998), Dewey (1938) dan Mezirow (1991, disebut dalam Restine, 1997) yang menyatakan bahawa pengalaman yang bermakna dan signifikan akan membawa kepada pembelajaran iaitu apabila sesuatu pengalaman itu dikaitkan dengan pengalaman lalu dan berlakunya integrasi tentang apa yang dipelajari ke dalam pemikiran dan tindakan seseorang itu. Ia juga selari dengan saranan Kolb (1984) yang mengatakan bahawa sebarang pengalaman yang diikuti dengan proses mengenang kembali peristiwa tersebut, difikirkan kebaikan dan keburukan tindakan-tindakan yang diambil serta disusuli dengan tindakan-tindakan pembedahan akan menyebabkan berlakunya proses pembelajaran.

Penemuan ini membuka ruang kepada bidang latihan dan pembangunan pengurusan untuk meneroka kaedah-kaedah baharu membangunkan kemahiran pemikiran kritis memandangkan terdapatnya kajian-kajian lepas yang mendapati bahawa kaedah pembelajaran tradisional seperti syarahan dan membaca-hafalan tidak menggalakkan pembentukan pemikiran kritis (DeVries & Zan, 2005; Klionsky, 1998) di samping kurangnya penekanan terhadap pembangunan kemahiran pemikiran kritis oleh institusi-institusi pengajian tinggi dengan dapatan-dapatan kajian menunjukkan tidak berlakunya sebarang peningkatan kepada kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat sebelum dan selepas tamat pengajian mereka (Saucier, 1995; Colucciello,

1997; Girot, 2008; Magnussen et al., 2001). Dengan kata lain, sekalipun pengurus-pengurus yang berada di pasaran kerja tidak tinggi kemahiran pemikiran kritis mereka akibat daripada kegagalan sistem pendidikan institusi-institusi pengajian tinggi membangunkannya, pihak organisasi boleh memainkan peranan pengganti melalui kaedah-kaedah latihan dan pembangunan pengurusan secara tidak formal, bukan formal malah insidental untuk meningkatkan kemahiran pemikiran kritis pengurus-pengurus mereka dengan mengintegrasikan risiko-risiko objektif dan subjektif ke dalam kaedah-kaedah tersebut.

7. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan di antara persepsi risiko terhadap penglibatan di dalam ekspedisi pendakian adventur dengan kemahiran pemikiran kritis dengan berlatarbelakangkan kepada isu pembelajaran secara tidak langsung. Dapatan kajian ini telah menyokong hipotesis yang diunjurkan, di mana persepsi risiko telah didapati mempunyai hubungan yang signifikan, positif dan kuat dengan kemahiran pemikiran kritis. Sehubungan dengan itu, bolehlah dibuat penaaakulan bahawa peningkatan kemahiran tersebut telah didapati selari dengan peningkatan persepsi risiko para responden. Dengan itu, mana-mana ekspedisi pendakian adventur yang ditingkatkan tahap persepsi risiko peserta-pesertanya akan juga dapat dilihat peningkatan kepada tahap kemahiran pemikiran kritis mereka.

RUJUKAN

Cheetham, G., & Chivers, G. (1998). The reflective (and competent) practitioner: A model of professional competence which seeks to harmonize the reflective practitioner and competence-based approaches. *Journal of European Industrial Training*, 22(2), 267-276.

Colucciello, M. L. (July-August 1997). Critical thinking skills and dispositions of baccalaureate nursing students—A conceptual model for evaluation. *Journal of Professional Nursing*, 13(4), 236-245.

Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2006). *Marketing Research*. New York: McGraw-Hill.

DeVries, R. R., & Zan, B. (2005). A constructivist perspective of the role of the sociomoral atmosphere in promoting children's development. In C. T. (Ed.), *Constructivism: Theory, Perspectives, and Practice* (pp. 132-149). New York: Teachers College Press.

Dewey, J. (1933). *How we think: A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process*. Boston, MA: D. C. Heath.

Ewert, A. (1983). *Outdoor adventure and self-concept: A research analysis*. Eugene, OR: Center of Leisure Studies, University of Oregon.

Ewert, A. (1989). *Outdoor adventure pursuits: Foundations, models, and theories*. Scottsdale, AZ: Horizon Publishing.

Facione, P. A. (1990). *Critical thinking: A statement of expert consensus for purposes of educational assessment and instruction*. Millbrae, CA: The California Academic Press.

- Gerber, R. (1998). How do workers learn in their work? *The Learning Organization*, 5(4), 168-175.
- Giro, E. A. (October 2008). Graduate nurses: critical thinkers or better decision makers? *Journal of Advanced Nursing*, 31(2), 288-297.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1998). *Multivariate data analysis (5th ed.)*. New Jersey: Prentice-Hall International.
- Hattie, J. A., Marsh, H. W., Neill, J. T., & Richards, G. E. (1997). Adventure education and outward bound: Out-of-class experiences that have a lasting effect. *Review of Educational Research*, 67, 43-87.
- Klionsky, D. J. (1998). A cooperative learning approach to teaching introductory biology. *Journal of College Science Teaching*, 28, 334-338.
- Kolb, D. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. London: Prentice-Hall.
- Lupton, D., & Tulloch, J. (2002). Life would be pretty dull without risks. *Health, Risk, and Society*, 4(2), 113-124.
- Magnussen, L., Ishida, D., & Itano, J. (2001). The impact of the use of inquiry-based learning as a teaching methodology on the development of critical thinking. *Journal of Nursing Education*, 39(8), 53-46.
- Marsh, H. W., Richards, G. E., & Barnes, J. (1986). Multidimensional self-concepts: The effect of participation in an Outward Bound Program. *Journal of Personality and Social Psychology*, 50, 195-204.
- Meyer, T., & Semark, P. (1996). A framework for the use of competencies for achieving competitive advantage. *South African Journal of Business Management*, 27(4), 96-104.
- Mumford, A. (1994). Four approaches to learning from experience. *The Learning Organization*, 1(1), 4-10.
- Mumford, A. (1995). Putting learning styles to work: An integrated approach. *Industrial and Commercial Training*, 27 (8), 28-35.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory (2nd ed.)*. New York: McGraw Hill.
- Pavlica, K., Holman, D., & Thorpe, R. (1998). The manager as a practical author of learning. *Career Development International*, 3 (7), 300-307.
- Pedler, M., Burgoyne, J., & Boydell, T., 1986. *A Manager's Guide to Self-Development*, 2nd ed. McGraw-Hill: London.
- Priest, S. (1999). The adventure experience paradigm. In J. C. Miles, & S. Priest, *Adventure Programming* (pp. 159-162). State College, PA: Venture.
- Raiola, E., & O'Keefe, M. (1999). Philosophy in Practice: A History of Adventure Programming. In J. M. Priest, *Adventure Programming* (pp. 45-53). State College, PA: Venture Publishing, Inc.

- Renn, O. (1998). Three decades of risk research: Accomplishment and new challenges. *Journal of Risk Research, 1*(1), 49-71.
- Restine, L. (1997). Experience, meaning and principal development. *Journal of Educational Administration, 35*(3), 253-267.
- Saucier, L. (November-December 1995). Critical thinking skills of baccalaureate nursing students . *Journal of Profesional Nursing, 11*(6), 351-357.
- Scholtes, P. (1999). The new competencies of leadership. *Total Quality Management, 10*(4-5), 704-710.
- Sekaran, U. (2005). *Research Methods for Business: A skill-building approach* (4th ed.). NY: John Wiley & Sons.
- Sokolowska, J., & Pohorille, A. (2000). Models of risk and choice: Challenge or danger. *Acta Psychologikla, 104*, 339-369.
- Ward, W. C. (2008). *Perceptions of risks and benefits of an outdoor adventure experience*. Ann Arbor, MI: ProQuest LLC.
- Watson, G., & Glaser, E. (1980). *Watson-Glaser critical thinking appraisal manual*. San Antonio, TX: The Psychological Corporation/Harcourt, Brace and Jovanovich.